

**PENGARUH FAKTOR DEMOGRAFI, LOKUS KAWALAN DAN STAIL
BERFIKIR TERHADAP PERSONALITI USAHAWAN BERJAYA
BERDASARKAN TEORI KERJAYA HOLLAND**

ZAIDI BIN FADZIL

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

2013

**PENGARUH FAKTOR LOKUS KAWALAN DAN STAIL BERFIKIR
TERHADAP PERSONALITI USAHAWAN BERJAYA BERDASARKAN TEORI
PERKEMBANGAN KERJAYA HOLLAND**

ZAIDI BIN FADZIL

Tesis ini Disediakan Bagi Memenuhi Keperluan Bagi Ijazah Doktor Falsafah

Jun 2013

PENGHARGAAN

Dengannama Allah yang mahaPemurah Dan MahaPenyayang

Saya melafazkan rasa syukur kehadiran Ilahi kerana dengan limpah rahmat dan nikmat yang tidak terhingga maka dapatlah saya menyiapkan tesis yang bertajuk **Pengaruh Faktor Demografi, Lokus Kawalan Dan Stail Berfikir Terhadap Personaliti Usahawan Berjaya Berdasarkan Teori Kerjaya Holland**. Kejayaan ini merupakan hanya setitik kecil sumbangan saya kepada pihak-pihak yang berkepentingan dalam menjayakan misi dan visi kerajaan untuk melihat lebih ramai usahawan dan bakal usahawan bumiputera untuk Berjaya dalam bidang keusahawanan ini.

Salam kasih dan saying atas doa dan semangat yang tidak jemu-jemu dipanjatkan kehadiran Ilahi oleh ayahanda Haji Fadzil bin Haji Hassan dan bonda Hajah Azizah binti Lebai Jiwa serta mertua Hajah Sofiah binti Arshad. Doa dan sokongan oleh isteri tersayang Shuhaila binti Shafie serta anak-anak, Nurul Farhana, Mohamad Ikhwan, Nurul Nuha dan Nur Sarah Sofea yang memahami akan perjuangan ayahmu. Tidak dilupakan sokongan kekanda Jazli, adinda Ahmad Zaida, Ahmad Zuhri, Ahmad Fithri dan Nur Fadzlina.

Saya juga ingin merakamkan ucapan penghargaan tertinggi dan terimakasih kepada penyelia utama iaitu Prof. Madya Dr. Haji Mohamad Hashim bin Othman yang sering membimbing dan banyak member tunjuk ajar dalam menyiapkan thesis ini. Ucapan penghargaan dan terima kasih ini juga dipanjangkan kepada penyelia kedua iaitu Prof. Madya Dr. Nordin bin Abdul Razak yang banyak memberikan panduan dalam menyiapkan thesis ini. Tidak dilupakan juga bimbingan daripada Dr. Haji Abdul Razak bin Othman dan saudara Syahrin bin Mohamad yang banyak membantu. Penghargaan dan terima kasih kepada semua subjek kualitatif dan kuantitatif yang sudi memberikan kerjasama dan banyak membantu dalam kajian ini.

Kepada pihak Bahagian Latihan Kerjaya dan Biasiswa Kementerian PengajianTinggi, Jabatan Pengajian Kolej Komuniti serta pengurusan Kolej Komuniti Sungai Petani dan Kolej Komuniti Bandar Darul Aman yang memberikan peluang,dorongan dan aspirasi untuk menyiapkan thesis ini maka ucapan terima kasih dan penghargaan sahajalah yang mampu saya rakamkan. Semoga semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak dalam menjayakan misi ini akan diberikan ganjaran setimpal samada di dunia dan juga di akhirat.

	HALAMAN
PENGHARGAAN	ii
JADUAL KANDUNGAN	iii
SENARAI JADUAL	x
SENARAI RAJAH	xii
SENARAI SINGKATAN	xii
ABSTRAK	xv
ABSTRACT	xvii
BAB 1 : PENGENALAN	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	2
1.2.1 Ciri-ciri Personaliti Usahawan Berjaya	7
1.2.2 Teori Kerjaya Holland	8
1.2.3 Lokus Kawalan	10
1.2.4 Stail Berfikir	12
1.2.5 Kerangka Teoritikal	16
1.2.6 Faktor Demografi	18
1.2.6(a) Tahap Pendidikan	19
1.2.6(b) Pengalaman	19
1.2.6(c) Budaya Keluarga	20
1.3 Penyataan Masalah	21
1.3.1 Faktor Penyumbang Personaliti Kejayaan Usahawan	21
1.3.2 Kekurangan Kajian Ciri-Ciri Usahawan Berjaya	22

1.3.3	Pengaruh Faktor Demografi	23
1.3.4	Masalah Pengangguran Di Kalangan Graduan IPTA	23
1.4	Tujuan Kajian	25
1.5	Objektif Kajian	26
1.6	Persoalan Kajian	26
1.7	Hipotesis Kajian	27
1.7.1	Hipotesis Bagi Pengaruh Faktor-Faktor Demografi Terhadap Personaliti Usahawan Berjaya	27
1.7.2	Hipotesis Bagi Pengaruh Stail Berfikir Terhadap Personaliti Usahawan Berjaya	27
1.7.3	Hipotesis Bagi Pengaruh Lokus Kawalan Terhadap Personaliti Usahawan Berjaya	28
1.8	Kepentingan Kajian	28
1.8.1	Kepentingan Pengaruh Kajian Kepada Pelajar Dan Masyarakat Dalam Menceburi Bidang Keusahawanan	28
1.8.2	Institusi Pengajian/Latihan Untuk Membuat Pemilihan Pelajar	29
1.8.3	Kekurangan Instrumen	29
1.8.4	Membantu Para Kaunselor Dan Pengurusan Bidang Keusahawanan	30
1.8.5	Pengurangan Tahap Pengangguran	30
1.9	Limitasi Kajian	31
1.10	Definisi Konsep Dan Operasional Kajian	31
1.10.1	Personaliti – Persekitaran	32
1.10.2	Usahawan Berjaya	33
1.10.3	Pengaruh	34

1.10.4	Variabel-Variabel	34
1.10.4(a)	Personaliti	35
1.10.4(b)	Lokus kawalan	35
1.10.4(c)	Stail Berfikir	35
1.10.5	Variabel Demografi	36
1.10.5(a)	Tahap Pendidikan	36
1.10.5(b)	Pengalaman	36
1.10.5(c)	Budaya Keluarga	37
1.11	Rumusan	37
BAB 2 : SOROTAN KAJIAN		38
2.1	Pendahuluan	38
2.2	Senario Semasa	38
2.2.1	Variabel Personaliti Usahawan Berjaya	46
2.2.1(a)	Kepimpinan	47
2.2.1(b)	Teori Keinginan	47
2.2.1(c)	Risiko	48
2.2.1(d)	Teori Fungsi Personaliti	49
2.2.2	Lokus Kawalan	57
2.2.3	Stail Berfikir	66
2.2.4	Variabel Demografi	73
2.2.4(a)	Tahap Pendidikan	73
2.2.4(b)	Pengalaman	77
2.2.4(c)	Budaya Keluarga	79

2.3	Kerangka Konseptual	84
2.4	Rumusan	86
BAB 3 : METODOLOGI KAJIAN		88
3.1	Pengenalan	88
3.2	Reka Bentuk Kajian	88
3.2.1	Populasi Dan Persampelan Kajian	92
3.2.2	Prosedur Pemilihan Persampelan	93
3.2.3	Maklumat Demografi Subjek Kajian	95
3.3	Lokasi Kajian	97
3.4	Instrumen Kajian	97
3.4.1	<i>Vocational Preference Inventory (VPI)</i>	98
3.4.1(a)	Penentuan Pola Personaliti	101
3.4.1(b)	Keesahan VPI	104
3.4.1(c)	Kebolehpercayaan VPI	105
3.4.2	Rotter <i>Internal-Eksternal Locus of Control</i>	106
3.4.2(a)	Keesahan Instrumen LOC	108
3.4.2(b)	Kebolehpercayaan Instrumen LOC	108
3.4.3	Inventori Stail Berfikir (<i>Thinking Style Inventory-TSI</i>)	109
3.4.3(a)	Kesahan Instrumen TSI	111
3.4.3(b)	Kebolehpercayaan Instrumen TSI	112
3.5	Keputusan Kajian Rintis Kebolehpercayaan Instrumen Personaliti Usahawan Berjaya	113
3.6	Prosedur Melaksanakan Kajian Kuantitatif	115

3.7	Prosedur Melaksanakan Kajian Kualitatif	117
3.8	Penganalisaan Data	117
3.9	Rumusan	119
BAB 4:DAPATANKAJIAN		120
4.1	Pendahuluan	120
4.2	Penyemakan Dan Penapisan Data	118
4.2.1	Data Pencilan	121
4.2.2	Kenormalan	121
4.2.3	Homoskedasiti	122
4.2.4	Kelineran Dan Ketidaksandaran	122
4.2.5	Multikolineran	123
4.2.6	Singulariti	124
4.3	Klasifikasi Subjek Dalam Bidang Keusahawanan	125
4.4	Pola Personaliti Subjek	126
4.5	Profil Lokus Kawalan	128
4.6	Profil Stail Berfikir	128
4.6.1	Profil Stail Berfikir Skala Skop	129
4.6.2	Profil Stail Berfikir Skala Fungsi	130
4.6.3	Profil Stail Berfikir Skala Bentuk	131
4.6.4	Profil Stail Berfikir Skala Peringkat	133
4.6.5	Profil Stail Berfikir Skala Kecenderungan	133
4.7	Pengaruh Demografi, Stail Berfikir dan Lokus Kawalan Terhadap Personaliti Usahawan Berjaya	134
4.7.1	Pengaruh Variabel Demografi	135

4.7.2	Pengaruh Variabel Skala dan Subskala Stail Berfikir	136
4.7.3	Pengaruh Variabel Lokus Kawalan	137
4.8	Rumusan Data Kuantitatif	138
4.9	Profil Kualitatif	139
4.9.1	Tahap Pendidikan	140
4.9.2	Pengalaman	145
4.9.3	Pengaruh Keluarga	150
4.9.4	Faktor Nilai Murni	153
4.9.5	Rumusan Data Kualitatif	159
4.10	Rumusan	161
BAB 5: PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN CADANGAN		163
5.1	Pendahuluan	163
5.2	Perbincangan Dapatan Kajian	165
5.2.1	Apakah Bentuk Pola Personaliti Diri Usahawan Berjaya?	165
5.2.2	Apakah Terdapat Pengaruh Faktor-Faktor Demografi Seperti Tahap Pendidikan, Pengalaman Dan Budaya Keluarga Terhadap Personaliti Usahawan Berjaya?	168
5.2.3	Apakah Terdapat Pengaruh Faktor Skala Stail Berfikir iaitu Skop Fungsi, Bentuk, Peringkat dan Kecenderungan Terhadap Personaliti Usahawan Berjaya?	171
5.2.4	Apakah Terdapat Pengaruh Faktor Lokus Kawalan Dalaman Dan Kawalan Luaran Terhadap Personaliti Usahawan Berjaya?	173
5.3	Data Deskriptif Berdasarkan Jantina	173
5.3.1	Lokus Kawalan	173
5.3.2	Stail Berfikir Skala Skop	174

5.3.3	Stail Berfikir Skala Fungsi	175
5.3.4	Stail Berfikir Skala Bentuk	176
5.3.5	Stail Berfikir Skala Peringkat	178
5.3.6	Stail Berfikir Skala Kecenderungan	178
5.4	Perbincangan Data Kualitatif	179
5.5	Dapatan VPI	182
5.6	Dapatan Lokus Kawalan	183
5.7	Dapatan Stail Berfikir	186
5.8	Implikasi Kajian	188
5.9	Cadangan Kajian Untuk Masa Hadapan	189
5.10	Rumusan	190
	SENARAI RUJUKAN	198
	LAMPIRAN	

SENARAI JADUAL

Jadual 1.1	Stail Berfikir Dalam ' <i>Mental Self- Government</i> '	14
Jadual 1.2	Kategori Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) di Malaysia	34
Jadual 3.1	Taburan Subjek Kajian Mengikut Negeri	92
Jadual 3.2	Maklumat Demografi Subjek	96
Jadual 3.3	Contoh Pembahagian Item VPI	99
Jadual 3.4	Klasifikasi Jenis dan Ciri Personaliti, Persekitaran Serta Bilangan Item	102
Jadual 3.5	Taburan Skor Personaliti	103
Jadual 3.6	Formula Pengiraan Hubungan Individu-Persekitaran	104
Jadual 3.7	Pembahagian Dimensi Lokus Kawalan, Deskripsi, Bilangan Item dan contoh Item	107
Jadual 3.8	Pembahagian Skala, Item dan Contoh Soalan TSI	110
Jadual 3.9	Kebolehpercayaan Pada Subskala TSI Oleh May Dan Nooriemy	113
Jadual 3.10	Keputusan Kajian Rintis Kebolehpercayaan Nilai Alpha Kepada Ketiga-Tiga Instrumen Kajian Iaitu VPI,LOC dan TSI	114
Jadual 3.11	Ringkasan Taburan Item-item Instrumen Kajian Berdasarkan Variabel Kajian	115
Jadual 3.12	Kaedah Analisis Hipotesis Kajian	118
Jadual 4.1	Skor Skewness dan Kurtosis Terhadap Instrumen Vokasional Preference Inventory (VPI), Stail Berfikir (TSI) dan, Lokus Kawalan (LK)	120
Jadual 4.2	Ujian Homoskedasiti	122

Jadual 4.3	Ujian Durbin Watson	123
Jadual 4.4	Statistik kolineran	124
Jadual 4.5	Klasifikasi Subjek Dalam Bidang Keusahawanan	125
Jadual 4.6	Kod Personaliti Mengikut Pecahan Skor	126
Jadual 4.7	Min Pola Personaliti-Persekitaran	126
Jadual 4.8	Kaedah Pengiraan Kod Usahawan Menurut Iachan (1984)	127
Jadual 4.9	Profil Skor Lokus Kawalan Antara Jantina	128
Jadual 4.10	Kategori Skala Dan Subskala Serta tafsiran personaliti	129
Jadual 4.11	Stail Berfikir Skala Skop Terhadap Usahawan Berjaya	130
Jadual 4.12	Stail Berfikir Skala Fungsi Terhadap Usahawan Berjaya	131
Jadual 4.13	Stail Berfikir Skala Bentuk Terhadap Usahawan Berjaya	132
Jadual 4.14	Stail Berfikir Skala Peringkat Terhadap Usahawan Berjaya	133
Jadual 4.15	Stail Berfikir Skala Kecenderungan Terhadap Usahawan	134
Jadual 4.16	Keputusan Analisis Linear Regresi Berganda Faktor Demografi Terhadap Personaliti Usahawan Berjaya	135
Jadual 4.17	Keputusan Analisis Linear Regresi Berganda Faktor Stail Berfikir Terhadap Personaliti Usahawan Berjaya	136
Jadual 4.18	Keputusan Analisis Linear Regresi Berganda Faktor Lokus Kawalan Terhadap Personaliti Usahawan Berjaya	138
Jadual 5.1	Tafsiran TSI Dalam Bidang Kerjaya Keusahawanan	187

SENARAI RAJAH

Rajah 1.1	Ciri-ciri Personaliti Usahawan berjaya	7
Rajah 1.2	Model Heksagon Holland	9
Rajah 1.3	Kerangka Teoritikal	17
Rajah 2.1	Kerangka Konseptual Kajian	85
Rajah 2.2	Proses Temu Bual Kualitatif	89
Rajah 3.1	Carta Aliran Pemilihan Subjek	90
Rajah 4.1	Plot Normal Regreasi	121
Rajah 4.2	Bentuk Normal Regreasi	122
Rajah 4.3	Bentuk Taburan Normal Regreasi	123

SENARAI SINGKATAN

CCI	<i>College Characteristic Index</i>
DEB	Dasar Ekonomi Baru
EAT	<i>Environment Assessment Technique</i>
MPPB	Masyarakat Perdagangan dan Perusahaanan Bumiputra
IKBN	Institut Kemahiran Belia Negara
ILP	Institut Latihan Perindustrian
IPTA	Institut Pengajian Tinggi Awam
IPTS	Institut Pengajian Tinggi Swasta
LKS	Latihan Keusahawanan Siswazah
LOC	<i>Locus of Control</i>
KAKS	Kursus Asas Keusahawanan Siswazah
PKS	Perusahaan Kecil dan Sederhana
R	Realistik
I	Investigatif
A	Artistik
S	Sosial

E	<i>Enterprising</i>
K	Konvensional
ROC	<i>Rotter`s Internal-External ROC of Control Scale</i>
SBA	<i>SmallBusiness Administration</i>
SBDC	<i>Small Business Development Centers</i>
SCORE	<i>Service Corps of Retired Executives</i>
SME-Corp	<i>Small-Medium Entrepreneure Corporation</i>
SPSS	<i>Statistical Package for Social Sciences</i>
TSI	<i>Thinking Style Inventory</i>
UiTM	Universiti Teknologi MARA
UUM	Universiti Utara Malaysia
VPI	<i>Vocational Preference Inventory</i>

Pengaruh Faktor Demografi, Locus Kawalan Dan Stail Berfikir Terhadap Personaliti Usahawan Berjaya Berdasarkan Teori Kerjaya Holland

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji pengaruh Demografi, Locus Kawalan dan Stail Berfikir terhadap personaliti usahawan berjaya di negeri-negeri Utara Semenanjung Malaysia iaitu negeri Perlis, Kedah, Pulau Pinang dan Perak Utara secara metod campuran. Bagi mencapai matlamat kajian ini, instrumen kajian untuk mengukur pembolehubah bersandar dan bebas telah dibentuk berdasarkan kajian-kajian awal. Pembolehubah bersandar yang terlibat dalam kajian ini adalah ujian personaliti kerjaya iaitu *Vocational 'Preference Inventory (VPI)* (Holland, 1997). Manakala pengaruh variabel usahawan berjaya yang bertindak sebagai pembolehubah bebas ialah terdiri daripada *'Locus of Control'* iaitu sistem kepercayaan diri (Rotter, 1967) dan Stail berfikir Sternberg yang berasaskan kepada *'Mental Self Government'* (Sternberg 1997). Soal selidik telah dibentuk dan diedarkan kepada 405 orang usahawan berjaya di wilayah utara semenanjung. Seramai 252 orang usahawan telah memulangkan borang soal selidik yang telah diisi dengan lengkap. Data yang diperolehi telah dianalisis dengan menggunakan program *'Statistical Package for Social Science (SPSS)'*. Sementara itu, kajian secara kualitatif pula melibatkan seramai 10 orang usahawan Berjaya yang telah dikenalpasti bagi menjalankan kajian temubual. Analisis mendapati bahawa kod personaliti usahawan berjaya ialah **ESR** manakala kod persekitaran Holland pula ialah **ESK**. Menurut tafsiran Iachan (1984), kod ini mempunyai hubungan yang kuat. Walau bagaimanapun, analisis menunjukkan pengaruh yang signifikan terhadap personaliti usahawan berjaya berdasarkan faktor demografi iaitu faktor pengalaman dan pengaruh keluarga. Begitu juga dapatan daripada data temubual terhadap 10 orang

responden. Kebanyakan daripada mereka bersetuju menyatakan bahawa faktor pengalaman dan budaya keluarga mempengaruhi kejayaan seseorang usahawan. Analisis regresi berjaya membuktikan faktor lokus kawalan dalaman mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap personaliti usahawan berjaya. Manakala faktor stail berfikir yang signifikan adalah pada subskala dalaman, luaran, legislatif, judicial, lokal dan liberal pada kajian. Berdasarkan penemuan tersebut, faktor personaliti yang kritikal iaitu proaktif dan inovatif perlu ditanam di kalangan usahawan bagi mencetuskan minat mereka untukberniaga seterusnya dapat membantu pihak kerajaan memperbanyakkan peluang pekerjaan kepada masyarakat.

**The Influence of Demographic Factor, Locus of Control And Thinking Style
Towards The Successful Personality of Entrepreneur Based of The Holland's
Career Theory**

ABSTRACT

The purpose of this study is to identify the influence of Demographic factor, Locus of Control and Thinking Styles towards the personality of successful entrepreneur around Northern Peninsular of Malaysia such as negeri Perlis, Kedah , Pulau Pinang and northern Perak in mix method research. Besides that, the other purposes of this study is to identify the level of entrepreneurial intentions and its relationships on successful entrepreneurial personality towards demographic factors, locus of control and thinking style. The three code of Holland's Theory were found according to Iachan's Score (1984). The codes in this research is **ESR** and the codes of Holland (DOC, 1985) is **ESC**. The instrument used to measure the dependent and independent variables were developed based on previous study. The dependent variable is the **Vocational Preference Inventory VPI (Holland, 1985)**. The **Locus of Control (I-E)(Rotter,1993)** and **Thinking Style (Sternberg 1997)** are the independent variable which consists of proactive personality. About 405 questionnaires were distributed among entrepreneurs. 252 questionnaires were returned back to the researcher and the data gathered was analyzed using the *Statistical Package for Social Science (SPSS)*. The analysis showed significant differences on entrepreneurial intentions based on gender, education, experiences and family support on demographic factors and only education factors are not significantly. Besides, this research also involved with qualitative approach and

linked of 10 respondents. The result of regression analysis showed that the internal locus of control on personality of successful entrepreneurs are significantly affect the

entrepreneurial intentions. While Thinking Style were found to be significant subscale are internal, external, legislative, judiciary, local and liberal. Based on these findings, critical personality factors such as proactive personality and innovative should be instilled so as entrepreneurs interest on business and therefore, helps to create employment opportunities.

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Pemilihan kerjaya di percayai bermula semenjak seseorang itu di peringkat kanak-kanak dan mula berkembang dalam beberapa peringkat sepanjang hayat mereka (Hartung, 2005; Muhd. Mansur, 1986; Wahl & Blackhurst, 2000). Menurut Mah Nazir Riaz (1995), pemilihan kerjaya merupakan satu keputusan yang sangat penting dalam kehidupan seseorang individu. Ketepatan membuat keputusan dalam pemilihan kerjaya akan menjadikan kerjaya yang diceburi lebih menarik dan memberi kepuasan dalam kehidupan (Kaplan & Saccuzzo, 1997; Kementerian Pelajaran Malaysia, 1966). Menurut Amir (1983), pemilihan kerjaya merupakan satu aspek yang penting dalam kehidupan individu remaja kerana beberapa sebab:

- (i) Pemilihan kerjaya yang dibuat pada peringkat ini boleh menentukan corak kerjaya yang akan diceburi kelak apabila dewasa dan kerjaya ini nanti menentukan peranan yang akan dimainkannya dalam masyarakat.
- (ii) Pemilihan kerjaya pada peringkat remaja dapat menentukan identitinya pada masa dewasa dan identiti yang terhasil dipercayai boleh meninggalkan kesan yang kuat ke atas diri remaja tersebut.
- (iii) Pemilihan kerjaya merupakan faktor yang penting bagi menentukan taraf atau kedudukan individu dalam masyarakat dan taraf ini akan meninggalkan kesan ke atas nilai hidup, sikap dan gaya hidup.

- (iv) Pekerjaan membolehkan individu memenuhi keperluan-keperluan untuk hidup dan menjadi suatu aspek yang penting bagi pertumbuhan dan perkembangan hormat sendiri dan kepuasan hidup.

Oleh itu, pengetahuan mengenai proses membuat pemilihan kerjaya merupakan tugas yang sangat penting bagi murid di sekolah dan pelajar Institusi Pengajian Tinggi (Blustein, Ellis & Devenis, 1989; Habibah & Noran Fauziah, 2002; Haren, 1979; Jepsen, 1984; Mohd Kamarulzaman, 2004; Super, 1984, 1990). Salah satu bidang kerjaya yang semakin diminati dan mendapat tempat dalam arus perkembangan ekonomi negara ialah kerjaya dalam bidang keusahawanan. Kerjaya dalam bidang keusahawanan agak baru terutama dalam kalangan masyarakat bumiputra di Malaysia dan mula diperkenalkan dalam kalangan masyarakat bumiputra sejak pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB) pada tahun 1971. Walau bagaimanapun, bukan semua usahawan bumiputra berjaya melestarikan diri dalam bidang perniagaan dan keusahawanan yang diceburi. Kajian ini cuba untuk mengkaji ciri-ciri personaliti usahawan yang berjaya dan pengaruh faktor-faktor demografi, lokus kawalan dan stail berfikir yang mempengaruhi personaliti usahawan yang berjaya.

1.2 Latar Belakang Kajian

Di Malaysia, kerajaan telah mengenalpasti bidang keusahawanan sebagai salah satu faktor yang paling signifikan di dalam proses perkembangan dan pembangunan ekonominya. Berdasarkan kepada kepentingan bidang keusahawanan yang semakin meningkat ini, adalah sangat praktikal sekiranya kita dapat mengenalpasti ciri-ciri personaliti usahawan-usahawan yang berpotensi (Ho & Koh, 1992). Dalam bidang

keusahawanan, telah banyak kajian-kajian empirikal tentang pelbagai ciri-ciri usahawan telah dijalankan (Churchill & Lewis, 1986; Herron & Robinson, 1993). Namun begitu, tidak banyak kajian yang dijalankan terhadap ciri-ciri personaliti yang dikaitkan dengan usahawan bumiputera di Malaysia.

Setiap tahun bilangan pelajar yang menamatkan pengajian di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) semakin meningkat, namun peluang pekerjaan yang disediakan adalah terhad. Ketidakeimbangan ini mewujudkan satu keadaan yang tidak stabil daripada segi pengangguran siswazah. Dalam usaha menangani masalah ini, pihak kerajaan Malaysia mula memberikan galakan kepada para lepasan IPT untuk menceburi dalam bidang keusahawanan (Kementerian Pengajian Tinggi, 2007). Mulai tahun 2007, semua Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) telah diwajibkan supaya menawar program atau kursus keusahawanan kepada semua pelajar supaya budaya keusahawanan dapat dikembangkan. Di samping itu, Latihan Keusahawanan Siswazah (LKS) dan Kursus Asas Keusahawanan Siswazah (KAKS) telah dilaksanakan di beberapa buah universiti antaranya ialah Universiti Teknologi MARA (UiTM), Universiti Utara Malaysia (UUM), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) yang bertujuan untuk mendedahkan graduan dalam bidang keusahawanan.

Perkataan usahawan mempunyai erti yang sama dengan perkataan Inggeris '*entrepreneur*'. Perkataan '*entrepreneur*' berasal daripada perkataan Perancis iaitu '*entreprendre*' yang bererti memikul tugas atau tanggungjawab. Perkataan '*entrepreneur*' telah digunakan semenjak tahun 1775 oleh Richard Cantillon yang merujuk kepada kegiatan dalam keusahawanan. Keusahawanan ialah satu proses menjalankan perniagaan

sendiri (Greene, 2000). Adnan Alias, (1977) menyatakan bahawa keusahawanan ialah proses pewujudan dan pengembangan perniagaan secara terkumpul yang boleh membentuk daya tenaga pembangunan negara demi kemakmuran masyarakat. Konsep keusahawanan hanya berkembang dalam kalangan masyarakat Malaysia pada pertengahan tahun 1970-an. Konsep ini mula timbul dalam konteks penggubalan dan pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB) dalam Rancangan Malaysia Kedua (1971-1975) yang bertujuan untuk menyusun semula masyarakat dengan mewujudkan sebuah Masyarakat Perdagangan dan Perusahaanan Bumiputra (MPPB). Salah satu langkah yang dilaksanakan ialah menambah golongan usahawan yang berjaya dengan mewujudkan seberapa ramai usahawan yang melibatkan diri secara langsung dan aktif dalam menguruskan perniagaan sendiri serta mempunyai daya tahan dan daya saing (Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, 1995).

Kerjaya dalam bidang keusahawanan secara tidak langsung memberi pengaruh terhadap kejayaan ekonomi sesebuah negara (Gurol & Atsan, 2006). Kerjaya keusahawanan ini berjaya mencipta peluang pekerjaan dan seterusnya dapat mengurangkan kadar pengangguran dalam kalangan penduduk di sesebuah negara (Rosdi, 2000; Shane & Venkataraman, 2000). Menjadi usahawan bermakna melepaskan diri daripada belunggu pengangguran. Ini bermakna seseorang usahawan dapat membuktikan bahawa golongan ini tidak perlu bergantung pada tawaran pekerjaan di sektor awam atau swasta. Usaha dan kejayaan seseorang usahawan yang berjaya akan menjadi contoh dan aspirasi kepada orang lain. Seterusnya seseorang usahawan yang berjaya akan memperkembangkan aktiviti keusahawanan dengan mewujudkan banyak peluang pekerjaan dan seterusnya lebih banyak keperluan masyarakat dapat disediakan.

Bidang keusahawanan berperanan dalam menyediakan peluang-peluang pekerjaan, merangsangkan pencetusan inovasi dan faktor pemantap ekonomi serta sosial sesebuah negara (Rosdi, 2000).

Banyak program pendidikan, jaringan latihan, bengkel-bengkel dan kemahiran keusahawanan ditawarkan bagi menggalakan individu menceburi bidang keusahawanan. Kursus-kursus asas keusahawanan telah mula di tawarkan pada peringkat sekolah dan universiti lagi bagi membudayakan minat para pelajar dan mahasiswa pada bidang keusahawanan. Adalah di harapkan pembudayaan keusahawanan yang positif ini dapat membantu kerajaan untuk mengatasi masalah pengangguran dalam kalangan rakyatnya dan seterusnya memartabatkan Malaysia sebaris dengan negara-negara yang maju dan berdaya saing di dunia ini. Perkara ini juga boleh dikaitkan dengan memperbanyakkan lagi bidang kajian pada kalangan usahawan.

Dalam memberikan nilai keseimbangan kajian, maka dimensi usahawan yang gagal juga perlu diberikan sedikit perhatian. Menurut Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB, 2010), dalam masa lima tahun iaitu dari tahun 2004 hingga tahun 2009, sebanyak 13% daripada usahawan gagal dalam perniagaan mereka dan sebanyak 65% daripada usahawan Bumiputra yang gagal dalam perniagaan dirosakkan oleh disiplin dan integriti yang berkaitan tentang personaliti diri yang lemah, manakala 35% lagi kerana masalah perniagaan yang diceburi. Berdasarkan kajian yang dijalankan menerusi projek usahawan Bumiputra dalam bidang peruncitan (PROSPER) oleh pihak PUNB, sebahagian besar usahawan Bumiputra didapati gagal membentuk disiplin dan integriti yang baik menyebabkan perniagaan yang dijalankan terpaksa gulung tikar. Terdapat juga perniagaan yang gagal disebabkan masalah tempat

atau lokasi yang kurang strategik di samping masalah produk yang tidak mendapat sambutan.

Tidak dapat dinafikan, terdapat juga ramai usahawan berjaya yang telah terlibat dalam bidang keusahawanan ini sejak dahulu lagi. Namun demikian, di dapati kajian-kajian yang dijalankan terhadap bidang keusahawanan ini tidak memfokuskan apakah faktor-faktor penyumbang yang membantu dalam menjadikan seseorang itu berjaya dalam bidang keusahawanan (Norasmah, 2009; Zaidatol Akmaliah, 1997). Kebanyakan kajian tentang gelagat usahawan cuba melihat kepada faktor-faktor yang menyumbang ke arah keputusan menjadi usahawan. Kajian awal tentang sifat personaliti dan ciri-ciri demografi usahawan gagal menerangkan mengapa sesetengah usahawan mempunyai sifat demografi yang sama tetapi gagal untuk menjadi seorang usahawan yang berjaya (Brokhaus & Hortwiz, 1986; Furnham, 1992; Hisrich & Brush, 1986). Keadaan ini menyebabkan para pengkaji dan juga pihak institusi tidak mendapat maklumat empirikal tentang faktor-faktor yang dapat memberikan pengaruh kepada kejayaan seseorang usahawan dalam bidang keusahawanan melalui pendekatan penggunaan instrumen. Terdapat kajian tentang keusahawanan hanya memberi fokus pada mengkaji ciri-ciri keusahawanan (Eeden, Louw & Ventor, 2005) dan minat serta kecenderungan seseorang individu dalam bidang keusahawanan (Franke & Luthje, 2004; Kennedy, 2003). Di samping itu, kesan pendidikan yang berorientasikan keusahawanan juga turut menjadi tumpuan penyelidik (Robinson & Hayes, 1991; Sexton & Bowman, 1984). Bagi menepati kajian yang lebih seimbang, kajian ini dijalankan untuk melihat pengaruh variabel-variabel seperti lokus kawalan (sama ada luaran atau dalaman) dan stail berfikir

(skop, fungsi, tahap, peringkat dan kecenderungan) dalam memberi panduan dan menjejaki personaliti usahawan berjaya untuk dijadikan model kejayaan.

1.2.1 Ciri-ciri Personaliti Usahawan Berjaya

Seseorang usahawan berjaya dipercayai mempunyai beberapa ciri personaliti tertentu. Ciri-ciri personaliti ini perlulah dikesan terlebih dahulu untuk memperolehi gambaran tentang ciri-ciri ini menyumbang kepada personaliti usahawan berjaya. Rajah 1.1 di bawah menunjukkan gambaran ciri-ciri personaliti seorang usahawan berjaya (Syed Zamberi, 2009).



Sumber: Syed Zamberi, *Keusahawanan, Teori dan Praktis*. Leeds Publications(2009: 9).

Rajah 1.1: Ciri-ciri Personaliti Usahawan Berjaya

Menurut Syed Zamberi (2009), seseorang usahawan yang berjaya perlu memiliki ciri-ciri personaliti seperti mempunyai inisiatif, dapat melihat dan merebut peluang, mempunyai kecekalan, kemahiran mencari maklumat, mempunyai perancangan sistematik, berorientasikan ke arah kecekalan, mempunyai komitmen pada kerja, mempraktikkan mutu kerja yang tinggi, kreatif dalam menyelesaikan masalah,


mempunyai keyakinan diri, ketegasan, dapat meyakinkan orang lain, bertenaga, bermatlamat dan berwawasan serta mempunyai strategi dan pengaruh. Ciri-ciri yang dinyatakan dalam Rajah 1.1 dapat melengkapkan lagi personaliti usahawan berjaya yang telah sedia ada melalui pendekatan ujian personaliti Holland (1985).

1.2.2 Teori Kerjaya Holland.

Teori kerjaya Holland (1985), merupakan teori yang menerangkan pemilihan kerjaya berdasarkan keselarasan personaliti dengan persekitaran. Teori kerjaya Holland ini telah memberikan gambaran yang terbaik tentang kerjaya pada masa ini. Terdapat enam jenis persekitaran kerjaya yang berkaitan dengan personaliti diri iaitu Realistik (R), Investigatif (I), Artistik (A), Sosial (S), *Enterprising* (E) dan Konvensional (K). Pemilihan kerjaya mempunyai hubungan dengan motivasi, pengetahuan, personaliti dan keupayaan seseorang itu terhadap kerjaya yang diceburinya.

Menurut Holland (1985), keselarasan antara jenis personaliti dengan persekitaran membolehkan seseorang individu itu beroleh kepuasan dan pencapaian yang tinggi dalam bidang yang diceburinya. Teori kerjaya Holland telah mengutarakan tentang personaliti yang dominan iaitu individu tersebut menunjukkan satu ciri utama yang sangat menonjol diikuti dengan dua ciri sampingan yang kurang menonjol sementara ciri-ciri lain tidak menonjol langsung. Pola personaliti disebut dalam kod tiga huruf seperti SEA umpamanya membawa maksud Sosial, *Enterprising*, dan Artistik. Pola ini menjelaskan ciri-ciri Sosial yang dominan, dan diikuti dengan ciri Keusahawanan dan seterusnya ciri Artistik. Setiap individu dianggap mempunyai ciri-ciri perbezaan dan persamaan dengan jenis personalitidan kedudukannya berdekatan dengan jenis yang dominan. Model

heksagon Holland (1973) adalah berdasarkan kepada enam ciri personaliti R I A S E K. Susunan R I A S E K adalah dianggap tetap dan berkaitan di antara satu sama lain dalam bentuk heksagon sepertimana yang dapat dilihat pada Rajah 1.2 di bawah.



Sumber: Holland, J.L. *Making Vocational choice: A theory of careers*, Englewood Cliffs, NJ: Prentice-Hall.(1973:23).

Rajah 1.2: Model Heksogon Holland (1973)

Model heksagon yang diperkenalkan oleh Holland (1973) di dapati konsisten dengan dapatan kajian yang telah dijalankan oleh (Amernic & Aranya, 1981; Crabtree & Hales, 1974; Edwards & Whitney, 1972; Harrington & O'Shea, 1980; Rachman, Wakefield & Doughtie, 1973; Tien, 1993). Menurut Prediger dan Sansickle (1992), indeks pada model heksagon Holland (1973) boleh digunakan untuk mengukur aras keselarasan di antara personaliti dan persekitaran. Di samping itu, model heksagon ini telah digunakan dalam silang budaya (Tay, Hill, Joseph & Ward, 1997) dan berupaya menunjukkan hubungan yang signifikan di antara keenam-enam jenis personaliti (Amla, 1984; Ang, 1981; Amla dan Subahan, 1991, 1994; Azli, 1991; Crabtree & Hales, 1974;

Kua, 1989; Nafziger, 1975; Rachman & Aranya, 1981; Yu & Alvi, 1996). Teori kerjaya Holland begitu luas diaplikasikan dalam kajian di Malaysia oleh Abdul Hanid Halit (1991), Azli Abdul Ani (1991), Amla (1989), Chong (1982), Hasnah (1988), Mohamad Hashim (1995), Ng (1987), Ooi (1987), Soorya Prabah (1991), Sharifah Amnah (1999), dan Tan (1989). Seseorang usahawan yang berjaya dipercayai mempunyai personaliti diri yang jelas dan mantap serta mempunyai penyesuaian yang baik antara personaliti diri dan persekitaran kerjayanya.

1.2.3 Lokus Kawalan

Lokus kawalan merupakan tingkah laku yang berasaskan kepada tahap kawalan sistem kepercayaan seseorang individu. Menurut Hisrich dan Peters (1998), lokus kawalan seseorang usahawan itu seharusnya difahamkan sebagai penyebab yang jelas kepada keupayaan kawalan sistem kepercayaan seseorang usahawan itu dalam kehidupannya.

Menurut Rotter (1966, 1975), konsep lokus kawalan merujuk pada kepercayaan individu pada dirinya sendiri (lokus kawalan dalaman) ataupun kepercayaan dirinya dipengaruhi oleh faktor luar (lokus kawalan luaran). Wan Abdul Kader (1994), merujuk lokus kawalan kepada jangkaan untuk mengawal persekitaran dan kepercayaan seseorang agar dapat mengawal tahap kawalan diri dan desakan persekitaran dan mengatasinya dengan memuaskan. Sementara itu, menurut Nik Azis (1999), lokus kawalan merujuk kepada darjah seseorang merasa bahawa kejayaan atau kegagalannya bergantung pada diri sendiri. Kenyataan ini membawa maksud sama ada seseorang individu itu mempunyai kuasa atau keyakinan diri ke atas peristiwa yang berlaku ke atas

dirinya. Individu yang mempercayai bahawa dia boleh mempengaruhi kehidupan sendiri dikatakan mempunyai jangkauan kawalan dalaman, manakala individu yang menganggap yang dia tidak boleh mempengaruhi persekitaran dikatakan mempunyai lokus kawalan luaran (Wan Abdul Kader, 1994). Individu yang memiliki lokus kawalan dalaman mempercayai mereka berupaya dapat mengawal apa yang berlaku dalam kehidupan mereka, manakala individu yang miliki lokus kawalan luaran mempercayai apa yang berlaku pada kehidupan mereka disebabkan oleh faktor nasib, berlaku secara kebetulan dan individu lain yang mempengaruhi diri mereka. Bandura (1986, 1997, 2000) menyatakan lokus kawalan dalaman mempunyai maksud yang agak sama dengan konsep efikasi sendiri. Kajian yang telah dijalankan menunjukkan remaja yang memiliki lokus kawalan dalaman mempunyai efikasi diri yang tinggi dan bermotivasi berbanding dengan remaja yang memiliki lokus kawalan luaran (Baiocco & Laghi, 2006; Brew, Hesketh & Taylor, 2001; D'Alessio & Loo, 2000; Franken & Muris, 2005; Nurmi, Salmela-Aro & Koivisto, 2004; O'Brien, Baillie, Lovato, Johnson & Kalaw, 2005; Pinguart, Crone, Sendel & Van der Molen, 2003; Scott & Bruce, 1995; Tuinstra, Vonderen, Groothoff, Van den Heuvel & Post, 2000; Vinokur & Schul, 2002). Tahap kawalan dalaman boleh dikenal pasti sebagai satu personaliti usahawan yang dominan (Venkanthapathy, 1984). Individu yang mempunyai tahap kawalan dalaman yang tinggi mempunyai masa hadapan yang cerah dalam perkembangan keusahawanan pada jangka panjang (Entrialgo, 2000). Hal ini merupakan penerimaan umum iaitu sesiapa yang mempunyai lebih kuat lokus kawalan dalaman, lebih baik tahap tumpuan kepada perniagaannya (Mazzarol, 1999).

Justeru itu, di dapati individu yang memiliki lokus kawalan dalaman lebih berkecenderungan untuk bekerja sendiri berbanding dengan individu yang memiliki lokus kawalan luaran. Menurut Bonnett dan Furnham (1991), individu yang memiliki lokus kawalan dalaman mempunyai hubungan dan keinginan yang kuat untuk menjadi seorang usahawan. Kajian menunjukkan individu yang miliki lokus kawalan dalaman lebih berusaha untuk memantau persekitaran bertujuan untuk mendapatkan maklumat (Van Zuuren & Wolfs, 1991). Di samping itu, lokus kawalan dalaman juga dihubungkan dengan orientasi mengambil risiko. Dapatan-dapatan kajian menunjukkan individu berlokus kawalan dalaman lebih aktif menguasai persekitarannya, lebih aktif dalam usaha mempengaruhi orang lain dan mempunyai orientasi pencapaian yang tinggi (Lefcourt, 1966; Rotter, 1966). Tyre (1974) pula mendapati individu berlokus kawalan dalaman lebih giat berusaha, lebih berdikari, tidak mudah cemas dan mempunyai keyakinan diri. Gabungan ciri-ciri itu membolehkan individu berlokus kawalan dalaman muncul sebagai personaliti yang berpengaruh dan dikagumi. Tambahan pula individu itu sentiasa berusaha mencari maklumat baru yang relevan dengan dirinya dan menggunakan maklumat itu dengan berkesan (Phares, 1976). Dalam kajian ini lokus kawalan dipilih sebagai salah satu variabel kerana dipercayai bahawa lokus kawalan diri individu akan dapat menyumbang kepada kejayaan seseorang usahawan.

1.2.4 Stail Berfikir

Terdapat banyak kajian dalam stail berfikir tetapi kajian-kajian ini lebih tertumpu kepada guru dan pelajar. Terdapat kajian yang mengkaji gaya pemikiran dari segi perspektif pendidikan dan psikologi (Balkis & Isiker, 2005; Bernardo, Zhang &

Callueng, 2002; Dai & Feldhusen, 1999; Zhang, 1999, 2001; Zhang & Sternberg, 1998). Tumpuan yang sempit mampu menghadkan aplikasi gaya pemikiran dalam konteks keusahawanan dan perhubungannya dengan personaliti seseorang usahawan. Hal ini mungkin penting untuk menentukan gaya pemikiran seseorang usahawan. Kajian sebelumnya telah mengenal pasti kemampuan kreatif dan gaya kreatif sebagai dua komponen berasingan (Goldsmith, 1987). Menurut model yang di ketengahkan oleh Kuratko dan Hodgetts (2004), terdapat empat fasa dalam proses kreatif yang boleh membantu seseorang usahawan itu melahirkan satu idea yang bernas. Empat fasa yang dimaksudkan ialah (i) Fasa Proses Pengumpulan Maklumat dan Pengetahuan. (ii) Fasa Inkubasi, (iii) Fasa Penjanaan Idea dan (iv) Fasa Penilaian dan Pelaksanaan.

Stail berfikir menerangkan bagaimana seseorang individu berkecenderungan untuk menggunakan keupayaan berfikir yang dipilihnya berbanding dengan cara pemprosesan maklumat yang biasa (Sternberg, 1997). Stail berfikir juga melibatkan kepelbagaian memproses maklumat di minda yang berdasarkan kepada situasi dan masa (Balkis & Isiker, 2005).

Stail berfikir merupakan satu proses untuk menangani sesuatu permasalahan dan cara seseorang individu membuat keputusan. Stail berfikir mempunyai hubung kait dengan gaya asuhan yang diterima oleh seseorang individu melalui proses pendidikan formal ataupun pendidikan tidak formal. Di dapati stail berfikir bagi setiap individu adalah berbeza. Teori stail berfikir Sternberg *mental self-government* (Sternberg, 1992, 1997, 1988, 1999) telah menghuraikan tentang cara gaya atau stail manusia berfikir. Stail ini bergantung kepada keperluan bagaimana keupayaan berfikir yang mereka miliki. Asas kepada pendekatan teori ini bergantung kepada tiga komponen iaitu komponen

fungsi minda dalam pengurusan kerajaan, rujukan yang berbagai stail dan klasifikasi skala dalam *mental self-government*. Teori ini telah menghuraikan tentang bagaimana meletakkan keperluan untuk menguruskan kehidupan mereka pada setiap masa dengan berbagai-bagai cara berfikir yang mereka pilih. Teori ini diadaptasi daripada teori personaliti Carl Jung. Sebagai contoh Sternberg telah menggunakan pendekatan skala Skop yang mempunyai subskala internal (dalaman) dan eksternal (luaran). Selalunya individu suka melakukan perkara-perkara yang mereka minati dan disukai oleh jiwa dan pemikiran mereka. Stail mereka menyelesaikan sesuatu masalah bergantung kepada stail pemikiran yang akan mendorong kepada tatacara penyelesaiannya. Stail penyelesaian yang diasaskan oleh stail pemikiran mungkin berbeza-beza. Hal ini bergantung kepada pendekatan yang digunakan dalam menyelesaikan sesuatu perkara. Ringkasan daripada penghuraian secara ringkas tentang peranan skala dan subskala dapat di rujuk pada Jadual 1.1 berikut.

Jadual 1.1 Stail Berfikir Dalam ‘Mental Self- Government’

Stail Skala/ Subskala	Personaliti	Contoh
Fungsi		
Eksekutif	Suka ikut arahan. Melakukan kerja berdasarkan apa yang diarahkan dan berdasarkan format.	Suka menyelesaikan masalah, suka menulis. Suka seni, mencipta model.
Judisial	Suka menghakimi dan menilai benda dan manusia	Suka mengkritik kerja orang lain. Menulis karangan yang kritikal. Memberi maklumbalas dan nasihat.
Legislatif	Suka mencipta dan melakukan kerja dengan cara tersendiri.	Suka membuat projek sains. Menulis sajak, cerita atau mencipta hasil seni.

sambungan Jadual 1.1

Bentuk		
Monarkik	Suka melakukan satu kerja pada satu masa. Memberikan komitmen yang tinggi pada kerja	Suka menonjolkan kebolehan diri dalam pelbagai bidang.
Hirakik	Suka lakukan banyak kerja dalam satu masa. Rancang kerja bila dan bagaimana untuk melakukannya.	Suka merancang masa untuk lakukan sesuatu dan ini akan memberikan ruang masa untuk lakukan tugas yang penting.
Oligarkik	Suka lakukan banyak kerja pada satu masa dan sukar untuk merancang keutamaan kerja.	Mempergunakan masa seadanya untuk membaca terlalu banyak item sehinggakan diluar keupayaan diri.
Anarkik	Suka mengambil pendekatan yang random terhadap sesuatu masalah. Tidak suka kepada sistem dan peraturan dan selalunya mendatangkan masalah pada diri.	Menulis dan bercakap dalam situasi yang tidak menentu dan terurus. Tidak ada peraturan dalam penulisan dan percakapan.
Peringkat		
Global	Suka kepada pendekatan yang umum, generalisasi dan tafsiran yang besar.	Menulis sesuatu dalam menghuraikan sesuatu maklumat dan sesuatu erti seni dalam kehidupan.
Lokal	Suka berurusan dengan sesuatu yang detail dan khusus dan contoh yang benar.	Menulis sesuatu yang memperihalkan sesuatu yang khusus dan mendalam.
Skop	Personaliti	Contoh
Dalaman	Suka bekerja secara sendirian. Tidak bergantung kepada orang lain.	Suka melakukan kerja kajian secara sendirian.
Luaran	Suka bekerja dengan orang lain. Mempunyai sifat kebergantungan pada orang lain.	Suka melakukan kajian dan kerja bersama dengan kumpulan dan orang lain.
Kecenderungan		
Liberal	Suka melakukan sesuatu kerja dengan pendekatan yang baru.	Berminat dalam menggunakan sesuatu alatan yang baru.
Konservatif	Suka melakukan sesuatu kerja secara tradisi dan mengikut peraturan.	Melakukan sesuatu kaedah dan menggunakan sesuatu alatan dengan cara yang lama.


Sumber: Sternberg(1997), *Thinking styles*. New York, USA: Cambridge University Press.

Dalam kajian ini, pengkaji memberikan fokus kepada stail berfikir berdasarkan teori *mental self-government* yang juga diperkenalkan oleh Sternberg (1988, 1997). Kajian-kajian berkaitan dengan stail berfikir berdasarkan teori *mental self-government* banyak tertumpu terhadap subjek yang terdiri daripada pelajar sekolah dan guru. Kajian-kajian telah dijalankan mengkaji stail berfikir dari perspektif pendidikan dan psikologi (Balkis & Isiker, 2005; Bernardo, Zhang, dan Callueng, 2002; Dai & Feldhusen, 1999; Hamzan, 2006; May & Nooreiny, 2009; Ruslin, 2007; Sharifah Amnah, 2009; Zhang, 1999; Zhang, 2001; Zhang & Sternberg, 1998). Keadaan ini telah menyebabkan skop kajian berkaitan dengan stail berfikir tidak berkembang luas. Justeru itu, adalah perlu kajian berkaitan dengan stail berfikir diperluaskan khususnya dalam mengenalpasti stail berfikir dalam kalangan para usahawan pula. Adalah di dapati para usahawan juga mempunyai stail berfikir yang berbeza berbanding dengan mereka yang tidak terlibat dalam bidang keusahawanan (Coy, Steven, Shipley & Margaret, 2004). Pengetahuan mengenai stail berfikir secara tidak langsung dapat membantu meningkatkan lagi kualiti para usahawan (Dun & Bradstreet, 1992; Mitchell, 2004; Szabo, 1988).

1.2.5 Kerangka Teoritikal

Terdapat tiga teori utama yang mendasari kajian ini iaitu teori kerjaya Holland (1985), teori lokus kawalan Rotter (1975) dan teori stail berfikir Sternberg (1999). Teori kerjaya Holland (1975) menyatakan bahawa seseorang individu itu berkecenderungan untuk mencari kerjaya yang bersesuaian dan berpadanan antara personaliti diri dan persekitaran kerjaya yang dipilihnya melalui kod tipologi Holland. Kod tipologi Holland untuk usahawan atau peniaga ialah ESK. Sementara teori lokus

kawalan diri Rotter (1975) pula menyatakan bahawa seseorang individu itu berkecenderungan untuk memiliki lokus kawalan jenis dalaman dan lokus kawalan jenis luaran. Selain itu, teori stail berfikir Sternberg (1999), pula menyatakan bahawa seseorang individu itu mempunyai stail berfikir beranalogi *mental self government* iaitu perkaedahan berfikir seperti cara pengurusan sesebuah kerajaan. Gabungan oleh teori-teori ini, dapat memberikan perkaitan yang jelas tentang pengaruh variabel demografi, lokus kawalan dan stail berfikir terhadap kejayaan seseorang usahawan. Dalam menjalin perkaitan teoritikal dalam kajian ini, maka Rajah 1.3 menunjukkan kerangka teori yang mendasari kajian ini.



Rajah 1.3: Kerangka Teoritikal

1.2.6 Faktor Demografi

Terdapat perbincangan dalam kalangan ahli-ahli ekonomi yang ingin membuat spekulasi bahawa kemahiran keusahawanan berasal daripada faktor keturunan dan genetik atau melalui proses pendidikan dan pengalaman. Seawal tahun 1950-an, para pengkaji mula melihat aspek personaliti sebagai penentu kepada kejayaan seseorang usahawan (McClelland, dalam Syed Zamberi, 2009:13). Mulai tahun 1980-an dan 1990-an fokus kajian mula tertumpu pada pengaruh sosio-budaya dalam menentukan kejayaan seseorang usahawan. Dalam kajian yang telah dijalankan oleh Bianchi's (1993), mendapati antara ciri kejayaan seorang usahawan yang berkaitan dengan sosio-budaya ialah (i) berada dalam keluarga yang terlibat dalam bidang keusahawanan, (ii) telah diberhenti kerja lebih daripada sekali, (iii) imigran atau anak kepada imigran, (iv) anak sulung dalam keluarga dan (v) lulusan lepasan universiti. Selain daripada itu, di dapati terdapat beberapa kajian yang telah menyokong ciri-ciri demografi yang terdiri daripada umur, jantina dan latar belakang individu seperti tahap pendidikan dan pengalaman yang lepas memberi pengaruh terhadap penglibatan seseorang dalam bidang keusahawanan (Kristiansen & Idarti, 2004). Dalam kajian ini, elemen variabel demografi yang terlibat ialah tahap pendidikan, pengalaman dan budaya keluarga. Elemen-elemen ini dipilih berdasarkan kepada pernyataan yang dinyatakan oleh Norita Deraman (2009) dan Zaidatul Akmaliah (1997) yang menyatakan bahawa kajian keusahawanan pada masa ini berkecenderungan melihat daripada perspektif kejayaan secara umum dan kurang berminat untuk meneroka elemen persekitaran yang membantu kejayaan seseorang usahawan.

1.2.6(a) Tahap Pendidikan

Latar belakang pendidikan juga di dapati memberikan pengaruh kepada kejayaan seseorang usahawan. Kajian yang telah dijalankan Caravan dan Cinneide (1994), telah mendapati bahawa dengan mempunyai pendidikan yang formal turut membantu kejayaan seseorang usahawan. Lanjutan daripada itu, Lee (1997) mendapati kelulusan di peringkat universiti memberikan pengaruh terhadap kejayaan dalam usahawan wanita di Singapura. Namun demikian, menurut Coy dan Shipley (2004) walaupun seseorang itu mempunyai pendidikan tinggi, belum tentu seseorang itu boleh menjadi seorang usahawan berjaya sekiranya tidak mendapat sokongan, nasihat dan tunjuk ajar daripada mereka yang berpengalaman dan telah berjaya dalam bidang keusahawanan.

1.2.6(b) Pengalaman

Pengalaman dalam bidang keusahawanan penting sebagai penentu kepada kejayaan seseorang usahawan (Bates, 1989; Evans & Leighton, 1989). Dapatan kajian oleh Lee (2009), menunjukkan pengalaman juga memberikan pengaruh terhadap kejayaan seseorang usahawan. Kajian yang telah dijalankan oleh Kolvereid (1996), mendapati individu yang mempunyai pengalaman dalam bidang keusahawanan didapati lebih cemerlang daripada individu yang tidak mempunyai pengalaman. Dapatan ini juga di dapati selaras dengan kajian yang telah dijalankan oleh Loehlin (1992), Mazzarol, (1999), Nicolaou (2008) dan Zhao & Siebert (2006), yang mendapati pengalaman seorang pegawai kerajaan tidak begitu memberi pengaruh terhadap kejayaan seseorang usahawan sepertinya berbanding dengan mereka yang mempunyai pengalaman dalam

bidang keusahawanan secara tidak langsung. Oleh itu faktor pengalaman dianggap sebagai penyumbang penting kepada kejayaan seseorang usahawan.

1.2.6(c) Budaya Keluarga

Keluarga merupakan satu bentuk sokongan penting dalam pembinaan personaliti menjadi seseorang usahawan. Di dapati sejak kebelakangan ini bilangan usahawan yang lahir dalam bentuk daripada sokongan keluarga makin meningkat. Kajian yang dijalankan oleh Cooper (1986), Shapero dan Sokol (1982) telah menunjukkan bahawa sokongan keluarga yang terlibat dalam bidang keusahawanan mempengaruhi pencapaian seseorang usahawan berjaya dalam bidang keusahawanan. Peranan dan model daripada ibu bapa di dapati berupaya untuk mempengaruhi seseorang dalam bidang keusahawanan (Hartung, Porfeli & Vondracek, 2005; Schulenberg, Vondracek & Crouter, 1984). Kajian juga menunjukkan seseorang individu yang mempunyai ibu bapa yang terlibat dalam bidang keusahawanan secara tidak langsung mempengaruhi minat anak untuk turut terlibat sama dalam bidang keusahawanan (Carley & Wiebe, 1989; Hisrich, 1990; Hisrich & Brush, 1986; Ronstadt, 1984). Menurut Bygrave (1994), keluarga memainkan peranan yang penting dalam membolehkan seseorang itu mula membuat keputusan untuk menceburi dalam bidang keusahawanan. Namun demikian, Schmitt-Rodermund dan Vondracek (2002), mendapati remaja yang datang daripada keluarga yang tidak berlatar belakangkan keusahawanan dan mempunyai minat dan sokongan yang rendah, akan menyebabkan minat remaja tadi untuk menceburi bidang keusahawanan turut menjadi rendah dan lemah. Justeru itu, di dapati remaja dari keluarga yang bukan dalam bidang

keusahawanan tidak menunjukkan minat untuk menjadi usahawan berbanding dengan mereka yang mempunyai pengalaman dalam bidang keusahawanan.

Kesimpulannya, dapatlah dinyatakan di sini bahawa dalam menentukan pengaruh variabel yang dipercayai terlibat terhadap personaliti usahawan berjaya ialah variabel lokus kawalan diri yang bertunjangkan kepada aspek kepercayaan dan kekuatan sumber dalaman diri untuk mencapai kejayaan. Faktor lokus kawalan diri ini juga perlu berpaksikan kepada stail berfikir untuk merancang dan merencanakan kaedah dalam melaksanakan sesuatu tindakan. Kombinasi antara penentuan personaliti usahawan berjaya, mempunyai lokus kawalan diri yang baik serta mengamalkan stail berfikir yang kreatif dan inovatif dipercayai akan memberikan impak yang positif dalam mempengaruhi seseorang usahawan untuk berjaya. Variabel lokus kawalan dan variabel stail berfikir ini akan berhubungan pula dengan variabel demografi iaitu yang terdiri daripada faktor tahap pendidikan, pengalaman dan budaya keluarga. Gabungan pengaruh faktor variabel lokus kawalan dan stail berfikir sertademografi ini dipercayai dapat memberikan gambaran sebenar tentang faktor-faktor penyumbang yang mempengaruhi kejayaan usahawan dalam suasana yang lebih efektif.

1.3 Pernyataan Masalah

Terdapat beberapa permasalahan yang menjadi fokus utama dalam kajian ini, antaranya ialah:-

1.3.1 Faktor Penyumbang Personaliti Kejayaan Usahawan

Tidak dapat dinafikan, terdapat ramai usahawan berjaya yang telah terlibat dalam bidang keusahawanan sejak dahulu lagi. Namun demikian, di dapati kajian-kajian yang

dijalankan terhadap bidang keusahawanan ini tidak memfokuskan pada faktor-faktor penyumbang melalui personaliti yang membantu dalam menjadikan seseorang itu berjaya dalam bidang keusahawanan (Norasmah, 2009; Zaidatol Akmaliah, 1997). Berdasarkan kepada kepentingan bidang keusahawanan yang semakin meningkat ini, adalah sangat praktikal sekiranya kita dapat mengenalpasti ciri-ciri personaliti usahawan-usahawan yang berpotensi (Ho & Koh, 1992). Dalam kajian tentang keusahawanan, di dapati banyak kajian-kajian empirikal tentang pelbagai ciri-ciri keusahawanan telah dijalankan (Churchill & Lewis, 1986; Herron & Robinson, 1993). Namun begitu, menurut Zaidatol Akmaliah (1997) tidak banyak kajian yang dijalankan ke atas ciri-ciri personaliti yang dikaitkan dengan usahawan bumiputera di Malaysia. Kebanyakan kajian tentang gelagat usahawan cuba melihat kepada faktor-faktor yang menyumbang ke arah keputusan menjadi usahawan. Kajian awal tentang sifat personaliti dan ciri-ciri demografi usahawan gagal menerangkan kenapa sesetengah usahawan mempunyai sifat demografi yang sama tetapi gagal untuk menjadi seorang usahawan yang berjaya (Brokhaus & Hortwiz, 1986; Furnham, 1992; Hisrich & Brush, 1986). Keadaan ini menyebabkan para pengkaji dan juga pihak institusi tidak mendapatkan maklumat yang tepat tentang faktor-faktor personaliti yang dapat memberikan pengaruh pada kejayaan seseorang dalam bidang keusahawanan.

1.3.2 Kekurangan Kajian Ciri-Ciri Usahawan Berjaya

Banyak kajian hanya memberi fokus kepada mengkaji ciri-ciri keusahawanan (Eeden, Louw & Venter, 2005) dan minat serta kecenderungan seseorang individu dalam bidang keusahawanan (Franke & Luthje, 2004; Kennedy, 2003). Di samping itu,

kesan pendidikan yang berorientasikan keusahawanan juga turut menjadi tumpuan penyelidik (Robinson & Hayes, 1991; Sexton & Bowman, 1984). Seseorang usahawan itu dipercayai mempunyai pelbagai personaliti dan minat yang tidak menepati dengan bidang keusahawanan (Brokhaus & Horwitz, 1986). Bagi menepati kajian yang lebih seimbang, kajian ini dijalankan untuk melihat keberkesanan dan peranan instrumen-instrumen yang telah dipilih ini dalam memberi panduan dan menjejaki usahawan berjaya untuk dijadikan model kejayaan terutama dalam menjana pendekatan baru kepada usahawan iaitu stail berfikir dan penentuan sebenar jenis lokus kawalan diri terhadap golongan usahawan bumiputra.

1.3.3 Pengaruh Faktor Demografi

Terdapat kajian pengaruh faktor demografi terhadap kejayaan seseorang usahawan. Kebanyakan kajian ini cuba untuk memberi perhatian kepada sesuatu faktor itu berdasarkan kepada nilai dan budaya setempat dalam menjadikan sesuatukajiankeusahawanan itu bermakna (Litthunen,2000). Justeru itu, berdasarkan daripada pemerhatian dan bacaan serta pengalaman bergaul dengan golongan usahawan, maka kajian ini memilih faktor pengaruh tahap pendidikan, pengaruh pengalaman dan pengaruh budaya keluarga yang juga dikenali sebagai pengaruh demografi dalam kajian ini.

1.3.4 Masalah Pengangguran Dalam Kalangan Graduan IPTA

Pada hari ini kebanyakan lulusan universiti di seluruh dunia menghadapi isu yang berkaitan dengan kadar pengangguran. Menurut Hussain, Scott dan Hannon (2008), ramai dalam kalangan lulusan universiti tidak mempunyai pekerjaan. Kemajuan yang

mendadak, memenuhi keperluan yang tinggi, bekerja secara kontrak atau sementara (Statistisches Bundesament, 2005) merupakan penyumbang kepada keadaan pengangguran. Fenomena ini juga tidak terkecuali bagi negara kita Malaysia. Di Malaysia, di dapati jumlah graduan IPT pada tahun 2010 ialah 164,281 orang berbanding pada tahun 2009 ialah seramai 137,887 orang. Walau bagaimanapun, jumlah ini tidak termasuk lulusan daripada Politeknik dan Kolej Komuniti yang masing-masing mencatat jumlah seramai 27,809 orang dan 4,061 lulusan pada tahun 2010 (Kementerian Pengajian Tinggi, 2010). Oleh itu, persaingan untuk mendapatkan pekerjaan di pasaran sangatlah sengit. Keadaan ini menyebabkan graduan berebut-rebut untuk mengisi jawatan kosong. Bagi yang tidak berjaya, mereka akan terus menganggur. Terdapat juga graduan yang melibatkan diri dalam bidang keusahawanan ini semata-mata untuk melarikan diri daripada isu pengangguran tetapi memilih bidang keusahawanan yang salah dan tidak merujuk kepada personaliti diri dan minat (Law, 2009). Berturutan tentang isu pengangguran dalam kalangan graduan akan berpanjangan dan akan menjadi isu nasional jika tidak ada perancangan lain untuk menjuruskan graduan ini dalam bidang keusahawanan secara yang betul dan tepat. Justeru itu, memiliki kelulusan pada hari ini bukan satu jaminan mendapat pekerjaan yang diimpikan. Di Malaysia, bilangan lulusan universiti yang tidak mempunyai pekerjaan pernah mencecah sehingga 50 ribu orang (Berita Harian, 30 Mac, 2011). Isu pengangguran ini tidak berkesudahan jika pihak terbabit dengan isu ini tidak bertindak untuk menjadikan bidang keusahawanan sebagai landasan yang dapat memberikan harapan baru dan seterusnya impak daripada isu ini tidaklah berlaku apa yang dikatakan sebagai pembaziran modal insan kepada negara.